

# Raja Nazrin gesa utama perpaduan

BH- 20/4/2007  
**K**UALA KANGSAR: Negara tidak boleh berkompromi atau melengah-lengahkan tindakan menangani perkara yang boleh mencetuskan konflik, terutama membabitkan isu perpaduan yang boleh menjejaskan keamanan.

Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah, bertitah rakyat berkewajipan memelihara keamanan dengan tidak memandang ringan agenda pihak tertentu yang cuba membangkitkan isu agama dan perkauman.

"Tanggungjawab memelihara keamanan adalah satu kewajipan yang tidak boleh ditinggalkan.

"Negara yang melangkah masuk ke usia 50 tahun merdeka, kini sedang diuji dengan perkembangan yang boleh mengancam perpaduan warga dengan kalimah ekstrem atas nama agama dan suara perkauman atas nama kaum mula digemakan," titahnya pada istiadat menghadap sembah taat setia dan penganugerahan darjah kebesaran negeri Perak sempena ulang tahun hari keputeraan Sultan Azlan Shah ke-79, di sini, semalam.

Raja Dr Nazrin bertitah, kalimah dan suara sedemikian ibarat bara yang mula menyalakan putung dan unggun yang jika tidak dibendung akan menyemarakkan api perkauman dan keagamaan yang boleh memusnahkan negara.

"Pertentangan ideologi, persekuisian kaum, konflik mazhab dan pertikaian agama telah mencetuskan perang saudara yang berpanjangan di banyak negara.

"Perselisihan pendapat dalam isu agama dan perkauman itu akan menjadi punca campur tangan kuasa asing yang dibenarkan dalam urusan sesebuah negara sehingga kedaulatan kemerdekaan tidak dapat dipertahankan lagi.

"Atas kesedaran itu, anakanda secara aktif membabitkan diri dengan dialog di pelbagai forum di dalam dan di luar negara untuk memperingatkan warga negara dan warga di serata dunia mengenai bahaya mengupas isu agama dan kaum secara sempit dan secara sensasi," titah baginda.